

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN ABDULLAH SANI BIN ABDUL  
HAMID [ KUALA LANGAT ]**

**TARIKH : 2 APRIL 2014**

**SOALAN :**

**Tuan Abdullah Sani bin Abdul Hamid [ Kuala Langat ] minta PERDANA MENTERI menyatakan keperluan mengkaji untuk mengecilkan gaji dan elaun kakitangan awam dalam keadaan sara hidup yang lebih tinggi dan keperluan barangan yang meningkat.**

**JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Gaji merupakan hak (*constitutional right*) di bawah Perlembagaan Persekutuan. Pada ketika ini, Kerajaan tiada hasrat untuk mengkaji bagi mengecilkan gaji dan elaun kakitangan awam, lebih-lebih lagi dalam keadaan sara hidup yang semakin tinggi dan keperluan barangan yang meningkat. Ini adalah kerana sekiranya gaji dan elaun dikecilkan, sudah semestinya akan memberikan kesan kepada pendapatan kakitangan awam kerana gaji bersih yang diterima tidak akan dapat menanggung kos kehidupan yang tinggi. Pegawai juga akan berada dalam keadaan kurang baik (*worse off*) apabila bersara kelak berbanding pegawai yang telah bersara dengan amaun gaji yang tidak dikecilkan.

Namun begitu, bagi menyokong langkah perbelanjaan berhemat, Kerajaan turut melaksanakan langkah penjimatan, melalui Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 2014. Langkah penjimatan berkaitan termasuk:

- a) pengurangan Imbuhan Tetap Keraian di antara 5% hingga 10% bagi Jawatan Utama Sektor Awam/ Khas;
- b) pengurangan kemudahan bayaran tol sebanyak RM50.00 bagi Gred JUSA/ Khas C hingga A dan RM100.00 bagi Turus III ke atas; dan

c) pindaan kelas tempat duduk penerbangan domestik dari Kelas Perniagaan kepada Kelas Ekonomi bagi JUSA/ Khas C dan Gred 54.

Atas keprihatinan Kerajaan, langkah yang diambil hanya melibatkan Kumpulan Pengurusan Tertinggi (Gred JUSA C dan ke atas) dan tidak melibatkan Kumpulan Pengurusan dan Profesional atau Kumpulan Pelaksana.

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, langkah penjimatan ini bukanlah satu denda kepada penjawat awam tetapi hanya memotong sedikit kemudahan atas hasrat untuk menggerakkan rakyat supaya berjimat cermat. Selaras dengan firman Allah Taala untuk berjimat cermat ketika senang bagi menghadapi kesusahan pada masa hadapan seperti dalam Surah Yusuf ayat 48 dan 49 yang bermaksud,

"Kemudian akan datang selepas tempoh itu, 7 tahun kemarau yang besar, yang akan menghabiskan makanan yang kamu sediakan baginya; kecuali sedikit dari apa yang kamu simpan (untuk dijadikan benih). Kemudian akan datang pula sesudah itu tahun yang padanya orang ramai beroleh rahmat hujan, dan padanya mereka dapat memerah (hasil anggur, zaitun dan sebagainya).

Sekian. Terima kasih.